



TUANKU Najihah merupakan Canselor KUIIM yang sentiasa memberi sokongan padu dalam memastikan KUIIM terus maju dan gemilang.

## KUIIM terima lawatan Tuanku Canselor

HARI ini KUIIM melakar sejarah apabila menerima kunjungan lawatan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Najihah Almarhum Tuanku Besar Buhanuddin ke kampus utama KUIIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Tuanku Najihah ialah Canselor KUIIM.

Pengarah Pusat Korporat dan Perhubungan Antarabangsa KUIIM, Sapora Sipon berkata, kunjungan yang amat bermakna itu akan memberi peluang kepada Tuanku Najihah melihat secara lebih dekat perkembangan terkini kampus di KUIIM semenjak perpindahannya ke kampus tetap itu pada 16 Julai 2005.

"Ia juga sekali gus menandakan sokongan padu dan jitu Tuanku Najihah dalam memastikan KUIIM terus maju dan gemilang.

"Pada majlis setengah hari itu beberapa program pengisian telah diatur. Antaranya taklimat berbubung perkembangan terkini kampus serta pembangunan oleh Rektor KUIIM. Di samping itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah turut dibawa melawat ke sekitar kampus," kata Sapora ketika ditemui di Bangunan Pentadbiran Sementara, KUIIM.

Beliau turut memanjangkan kesyukuran KUIIM kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam program itu seperti Kerajaan Negeri Sembilan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Majlis Perbandaran Nilai, pasukan polis, pertahanan awam, bomba dan media massa atas kerjasama yang diberikan.

## Siri Seminar KUIIM

- Tuanku Najihah Public and Law Lecture anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang pada 3 Ogos 2006.
- Majlis Konvokesyen KUIIM ke-IV pada 25 - 26 Ogos 2006.
- Seminar Kebangsaan Kewangan dan Perbankan Islam, iBAF 2006, pada 29 - 30 Ogos 2006.
- Seminar Kecelaruan Nilai dan Identiti Remaja (Kendira).
- Simposium Antarabangsa Kaunseling Pencegahan dan Pemulihan Dadah 2006 (INCOSYM 2006) pada 5 - 7 September 2006.
- Seminar Antarabangsa mengenai Undang-Undang Syariah dan Common Law 2006 - *Bridging The Gaps: Towards Better Understanding* di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 19 - 21 September 2006.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai seminar KUIIM, orang ramai boleh melayari laman web [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my).